



TAHNIAH Kumpulan Inovatif dan Kreatif AKAR, Perpustakaan Tun Dr. Ismail kerana menerima anugerah Emas semasa Pertandingan Konvensyen KIK Peringkat UiTM, 2016. - m/s 3...

Antara Menarik di Dalam



PRODUK INOVASI 2010 -2016
Perpustakaan Tun Dr Ismail

m/s 5



BERITA KAMPUS PASIR GUDANG
Perpustakaan Tun Dr Ismail

m/s 9



LAWATAN KETUA PUSTAKAWAN
Ke Perpustakaan Tun Dr Ismail

m/s 14

Kunjungan Ketua Pustakawan ke Perpustakaan Tun Dr Ismail

Oleh : Siti Rozana binti Mat Sanat



27 Disember 2016 – Pihak PTDI amat berbesar hati menerima kunjungan Ketua Pustakawan UiTM, En. Noorhidayat bin Adnan dan En. Jamalludin bin Sulaiman Timbalan Ketua Pustakawan Kanan. Tujuan lawatan kerja tersebut dilaksanakan adalah untuk melihat sendiri tentang perkembangan di Perpustakaan Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang.

Sesi tersebut turut dihadiri oleh Timbalan Rektor Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri & Alumni Yang Mulia Dr. Raja Adzrin binti Raja Ahmad serta Timbalan Bendahari Pn. Rosnani binti Abd Razak. Dr. Raja Adzrin selaku wakil rasmi Rektor telah menyampaikan ucapan aluan dan turut berkongsi dengan hadirin tentang ilmu dan bertuahnya staf perpustakaan kerana bekerja dalam bidang tersebut.

Dalam sesi tersebut, Pn. Hajah Maznah binti A. Hamid telah membentangkan tentang pencapaian dan aktiviti sepanjang tahun 2016 bagi PTDI Kampus Segamat serta PTDI Kampus Pasir Gudang. Turut diadakan adalah sesi soal jawab antara Ketua Pustakawan dan pengurusan serta staf PTDI.

4 orang pelajar praktikal turut melibatkan diri semasa sesi lawatan tersebut dan diberi kepercayaan untuk penyediaan montaj serta tugas pengacaraan. Warga PTDI merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ketua Pustakawan kerana sudi berkunjung dan membuat lawatan kerja di PTDI. Diharap sesi seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

